

23/09/1998

Kerjasama dengan DAP hakis simpati rakyat

Salina Ismail

SAYA terpanggil untuk menulis pendapat mengenai isu terkini yang diheboh-hebohkan iaitu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada mula berita pemecatannya, saya begitu terharu dan sedih atas tindakan itu.

Beliau yang saya sanjungi selama ini dipecat atas sebab-sebab keselamatan negara dan salah laku.

Jika Anwar dipecat kerana melakukan penyelewengan atau keselamatan negara, saya tidaklah begitu terkejut, tetapi yang mengaibkan ialah kes salah laku (moral) beliau.

Selama ini anggapan saya Anwar difitnah. Perasaan marahkan beberapa pemimpin begitu meluap-luap selepas saya membaca artikel melalui Internet dan buku.

Namun, kerjasama Anwar dengan DAP baru-baru ini melenyapkan terus rasa simpati saya terhadap beliau.

Tindakannya yang sanggup menandatangani petisen untuk pembebasan Lim Guan Eng menghiris hati saya.

Saya rasa ada udang di sebalik batu. Mengapa beliau berucap mengutuk pentadbiran negara dan polis?

Tidakkah beliau sedar yang selama ini beliau juga menyokong undang-undang negara. Mengapa selepas dipecat segala kencaman itu dilemparkan kepada kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir Mohamad.?

Sokongan yang diberi Datin Seri Dr Wan Azizah juga menyakitkan hati saya. Wajah yang riang di samping pembangkang menunjukkan matlamat reformasi yang dilaung-laungkan? Saya rasa ia jauh tersimpang daripada landasan.

Saya menasihatkan penuntut universiti janganlah terlalu ghairah menyokong Anwar tanpa mengetahui tujuan beliau.

Sekiranya Anwar di pihak yang benar, beliau tidak akan menagih simpati daripada pembangkang. Kepada Anwar buktikanlah diri tidak bersalah kerana kebenaran akan memihak kepada kita.

Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Pengampun.